

## **TARSYIH INDIVIDU (KEBAJIKAN)**

### **OBJEKTIF**

Meringankan beban kewangan mereka (Individu) yang memerlukan bantuan melalui tasyih (yang dicalonkan) oleh muzakki (pembayar zakat) dari segi kebajikan yang tidak menyalahi kehendak hukum.

### **KEKERAPAN**

Bantuan ini diberi sekali sahaja atau berterusan.

### **SYARAT-SYARAT BANTUAN**

1. Keutamaan penerima tasyih hendaklah penduduk Islam Sarawak atau warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Bantuan ini adalah bagi tujuan kebajikan.
3. Manfaat bantuan ini tidak menyalahi kehendak hukum.
4. Permohonan tasyih selepas 10 bulan dari tarikh pembayaran Zakat tidak akan dipertimbangkan.
5. Pihak yang telah diberi Tasyih digalakkan menghantar laporan pengagihan dana Zakat tersebut pada tahun semasa kepada Tabung Baitulmal Sarawak.
6. Dalam keadaan tertentu pengesahan kelayakan penerima tasyih akan dibuat siasatan lanjut.

### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

1. Borang Akad Prinsip Tasyih.
2. Salinan buku akaun.
3. Borang Siasatan.